

Bukan hanya terhad dalam masjid...

BH - 4 MAY 1982
Oleh BUSTAMAM AHMAD

BANGI, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, peranan imam tidak terhad dalam masjid sahaja tetapi meliputi setiap kegiatan masyarakat Islam tempatan.

Menurut Perdana Menteri, para imam adalah juga dikehendaki memberi nasihat dan penjelasan terhadap berbagai soal ke masyarakatan untuk menghapuskan sebarang kekeliruan tentang agama Islam.

Dalam hubungan ini, jelasnya mereka perlu mengetahui kedudukan sebenar umat Islam dari segi masa, tempat dan kebolehan serta perubahan persekitaran yang berlaku setiap masa.

Berucap merasmikan Kursus Kefahaman Islam peringkat kebangsaan anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Rabitah Al-Alam Al-Islami di Dewan Tun Razak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, beliau berkata:

Kegagalan memahami perkara-perkara ini dengan sewajarnya akan menjadikan imam-imam kurang berkesan dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pemimpin masyarakat Islam.

"Pendapat yang tidak mengambil kira proses pemodenan yang sedang berlaku sudah tentu akan mengelirukan umat orang Islam dan akan mengurangkan kemampuan mereka untuk mengatasi berbagai cabaran dan soal yang timbul dari keadaan dunia yang seperti kita tahu kurang berminat dengan agama.

Lebih luas pengetahuan mereka, lebih berkesanlah kepimpinan mereka dan lebih bahagialah pula masyarakat Islam."

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, masjid adalah tempat umat Islam

berkumpul dan adalah menjadi kesalahan jika ia dijadikan tempat untuk memecah-belahkan umat Islam.

"Tetapi malangnya ini pernah terjadi di negara kita. Apakah peranan imam di sini?"

"Tentulah mereka akan bersalah jika perkara yang mungkar ini dibiarkan berlaku. Tetapi kadangkala mereka tidak berupaya mengatasinya dan di sinilah kita perlu meningkatkan keupayaan imam-imam kita bagi membanteras kejadian yang malang ini," tegasnya.

Perdana Menteri menambah, semua hukum Islam bukan hanya sesuai untuk zaman Nabi Muhammad sahaja tetapi adalah bagi semua zaman.

Tetapi, jelasnya, tidak dapat dinafikan bahawa "zaman kita ini" adalah berbeza keadaannya dengan zaman Nabi Muhammad ataupun zaman Khulafa' Rasyidin.

"Keadaan dan perkembangan di zaman ini dan kaitannya dengan

pelaksanaan hukum Islam perlulah benar-benar difahami oleh umat Islam agar akidah mereka tidak tergugat dan mereka tidak merasa kecewa.

"Islam bukan agama yang negatif yang cuma tahu melarang. Dalam Islam terdapat imbalan antara larangan dengan desakan," jelasnya.

Bellau berkata, masjid dan mimbar yang tidak berkesan dalam memandu umat Islam dalam tugas-tugas dunia tetapi sebaliknya menumpukan semata-mata kepada larangan adalah tidak memenuhi kehendak Islam.

"Aspek ini mestilah diberi perhatian dan tekanan jika kita benar-benar berpegang kepada ajaran Islam sebenar dan jika kita tidak mahu orang Islam tertindas kerana mereka lemah, miskin dan tidak berkeupayaan.

"Sekali lagi kita dapat lihat peranan yang perlu dimainkan oleh imam-imam," tambahnya.

Seramai 300 peserta terdiri dari para imam dan mubaligh dari seluruh negara menghadiri kursus semingggu itu.